

Minggu Pesta 1Malaysia Jakmas UMSKAL tawar juara 'Masterchef'

UB 22.11.2014 84

Oleh HENRY BATING

LABUAN: Pelbagai program telah diatur untuk mengisi Minggu Pesta 1Malaysia 24-29 Nov dengan yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Pengarah Program, Jeffery Yong Zong Xian berkata, beberapa program yang diatur melibatkan masyarakat umum diluar kampus yang merangkumi penyertaan kalangan dewasa dan kanak-kanak.

"Bagaikan pada n kesemua program itu bakal diadakan di beberapa venue yang terdapat dalam kampus UMSKAL," kata Jeffery yang juga Naib Yang Dipertua Jakmas Kolej Kediaman Alpha.

Menurut Jeffery, antara program yang dijangka



JEFFERY

menarik perhatian para peserta ialah pertandingan Masterchef untuk kalangan dewasa, pertandingan tarian untuk pelajar sekolah rendah dan peraduan melukiskan kanak-kanak pra-sekolah.

Pertandingan Masterchef antara lain mengenakan syarat bagi tema masakan tradisi khusus menu ayam yang terbuka kepada kalangan staf dan masyarakat umum luar kampus dengan

yuran penyertaan RM10 setiap penyertaan.

"Pertandingan masakan itu diadakan di medan letak kereta Dewan Utama pada 25 Nov antara 7.00pm – 10.00pm yang menawarkan hadiah untuk johan sahaja bernilai RM350," kata Jeffery.

Jeffery menambah, setiap penyertaan melibatkan tiga orang dalam satu kumpulan di mana segala peralatan dan bahan-bahan memasak disediakan peserta sendiri. Bagi yang berminat boleh menghubungi Siti Khadijah bt Abd Mubarak di talian 014-8686537 untuk mengesahkan penyertaan.

Bagi pertandingan tarian sekolah rendah akan diadakan 28 Nov bermula 8.00 malam di Dewan Utama manakala peraduan melukis kanak-kanak pra-sekolah diadakan pada 29 Nov bermula 9.00 pagi di Lounge Eksekutif tingkat 11 Menara UMSKAL.